



Bernama teruskan tradisi 'Program CSR Indahnya Ramadan' di Kampung Batu Laut semalam

Sentiment	Positive	Frequency	Daily
Outlet Country	Malaysia	Outlet Language	Malay
Impressions	101,340	Circulation	50,670
PR Value	30,402	Page	4



Bernama teruskan tradisi Program CSR 'Indahnya Ramadan' di Kampung Batu Laut semalam

KUALA LUMPUR: Komited untuk terus mendampingi masyarakat, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) meneruskan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) tahunannya sempena Ramadan di Masjid Inayaturrahman, Kampung Batu Laut, Tanjung Sepat, Selangor semalam.

Bertemakan 'Indahnya

Ramadan', pengisian program CSR di kawasan kampung angkat Bernama di bawah Program Santuni MADANI: Satu Pemimpin Satu Kampung itu termasuk majlis berbuka puasa bersama masyarakat setempat, pengagihan duit raya kepada anak yatim dan sumbangan kepada jawatankuasa pengurusan masjid.

Program CSR Indahnya Ramadan di Kampung Batu Laut, Tanjung Sepat, antara kampung tertua di Kuala Langat itu dijadualkan bermula pada 5 petang dan akan diserikan dengan kehadiran Pengurus Jawa-tan kuasa Perumahan dan Kebudayaan Selangor Datuk Borhan Aman Shah, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Sepat.

Ketua Pegawai Eksekutif Bernama Datin Paduka Nur-ul Afida Kamaludin, Ketua Penggarang Bernama Arul Rajoo Durai Raj dan warga Bernama akan turut memeriahkan majlis CSR itu bagi memperkuat hubungan bersama masyarakat setempat.

Lebih manis, program itu juga disemarakkan dengan kerjasama rakan strategik Bernama iaitu Rimbunan Kuasa Sdn Bhd, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Maybank, Perbadanan Nasional Berhad (Pernas), MTD Group, Maju Expressway Sdn Bhd (MEX) dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

Dibuka sekitar awal 1800, Kampung Batu Laut yang terletak kira-kira 60 kilometer dari Shah Alam, kini diidam kira-kira 3,500 penduduk yang kebanyakannya mencari nafkah sebagai petani dan nelayan.

Majlis pelancaran Kampung Batu Laut sebagai kampung angkat Bernama itu disempurnakan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga Ahli Parlimen Sepang Datuk Aiman Athirah Sabu pada 12 Okt 2024.

Program Santuni MADANI: Satu Pemimpin Satu Kampung merupakan cetusan idea Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang diumumkan pada Mei 2024. — Bernama